

# 'Food Bank' bantu golongan B40 jimat belanja

BERITA HARIAN  
23/12 2014 M/S 02

→ Program tanggungjawab sosial swasta, NGO ringan beban kos sara hidup rakyat



Sebanyak 3,000 tan lebih makanan masih elok dan selamat dimakan boleh digunakan untuk memberi manfaat kepada hampir dua juta rakyat Malaysia, jika ia diagihkan dengan optimum”

**Dr Mahathir Mohamad,**  
Perdana Menteri



**Guan Eng bersama Saifuddin Nasution (dua dari kanan)** melihat bahan mentah penyediaan makanan di Central Kitchen Mutiara Food pada perasmian Food Bank, di Georgetown, semalam.

**Oleh Muhammad Yusri Muzamir**

yusri.muzamir@bh.com.my

✦ Georgetown

**T**un Dr Mahathir Mohamad berkata, pelaksanaan program *Food Bank* bertepatan dengan fokus kerajaan untuk meringankan beban kos sara hidup rakyat, khususnya golongan isi rumah berpendapatan rendah (B40).

Perdana Menteri berkata, program kendalian Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) itu mampu menjimatkan perbelanjaan golongan B40, khususnya kos pembelian makanan, sekali gus meningkatkan pendapatan boleh guna.

Katanya, inisiatif itu adalah usaha sukarela dan tidak memerlukan implikasi kewangan yang besar kepada kerajaan dengan pelaksanaannya dilakukan menerusi komitmen tanggungjawab sosial dan semangat kesukarelawanan pihak swasta serta

pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

“Rakyat Malaysia direkodkan menghasilkan 15,000 tan lebih makanan setiap hari dengan 3,000 tan daripadanya masih elok dan selamat dimakan.

### Manfaat 2 juta rakyat

“Sebanyak 3,000 tan lebih makanan masih elok dan selamat dimakan boleh digunakan untuk memberi manfaat kepada hampir dua juta rakyat Malaysia, jika ia diagihkan dengan optimum,” katanya dalam ucapan dibacakan Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, ketika merasmikan *Food Bank* di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail; Timbalan Menteri, Chong Chieng Jen dan Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman.

Dr Mahathir berkata, program itu akan menyasarkan 186,354 ketua isi rumah di bawah paras garis ke-

miskinan di seluruh negara untuk diagihkan lebih makanan dikumpul, selain kerajaan bersetuju melancarkan Yayasan *Food Bank* untuk memastikan ia lebih sistematik.

Katanya, kerajaan berhasrat mewujudkan undang-undang khas bagi melindungi penerima dan penyumbang bantuan bagi memastikan pelaksanaan program berkenaan lebih teratur, seiring langkah digunakannya di negara luar yang lebih awal melaksanakan program sedemikian.

### Kajian terperinci

“Dalam hal ini, KPDNHEP diamanahkan melaksanakan kajian yang lebih terperinci mengenai perkara ini sesuai dengan acuan negara ini.

“Saya harap dengan lengkapnya semua mekanisme operasi pelaksanaannya, program *Food Bank* ini dapat digerakkan dengan jayanya bagi membantu semua golongan memerlukan, bukan sahaja di Semenanjung, tetapi juga di pedalaman Sabah dan Sarawak,” katanya.